

Lima ekor penyu ditemukan mati di Pulau Perhentian

UM 14/04/13 M 18 34

BESUT: Kes kematian penyu di Terengganu semakin membingangkan apabila sebanyak lima ekor spesies haiwan terancam itu ditemukan mati di sekitar Pulau Perhentian di sini dalam tempoh seminggu sejak Rabu lalu.

Pengurus projek pemuliharaan penyu, Perhentian Turtle Project, Shafiqah Othman berkata, daripada jumlah itu, dua kematian adalah penyu jantan dewasa, dua penyu betina dewasa dan seekor anak penyu agar.

Menurutnya, kematian pertama membabitkan seekor penyu agar jantan dewasa yang dilaporkan kepada pihaknya pada Rabu lalu.

Beliau berkata, sebaik sahaja menerima laporan tersebut, mereka terus ke lokasi kejadian di Pasir Acing dan melakukan sedikit pemeriksaan fizikal untuk mengenal pasti kecederaan yang ada

pada bangkai tersebut sebelum menanamnya di kawasan itu.

“Kes kedua pula berlaku pada Sabtu membabitkan seekor lagi penyu agar betina dijumpai dalam keadaan cangkerang yang sudah pecah, namun ia masih hidup ketika itu.

“Kami bawa penyu itu ke Pusat Taman Laut, namun hasil pemeriksaan mendapati kecederaannya terlalu parah dan berkemungkinan tidak dapat diselamatkan lagi kerana rawatan yang boleh dilakukan hanya terdapat di Pusat Pemuliharaan dan Informasi Penyu di Dungun.

“Keesokan harinya, ketika kami ingin menanam bangkai kedua itu, kami dikejutkan lagi dengan satu lagi laporan mengenai penemuan bangkai penyu yang ketiga pula dan situasi ini sangat luar biasa kerana berlaku dalam tempoh yang singkat,” katanya.



KEADAAN salah seekor penyu agar yang ditemukan mati di Pulau Perhentian, Besut, Terengganu.